

KPKT SALUR RM2.6 JUTA BAIK PULIH 3 BUAH PANGSAPURI KOS RENDAH DALAM PARLIMEN PANDAN



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengadakan lawatan kerja ke Parlimen Pandan, Selangor pada 15 Jun 2017.

Lokasi pertama yang dilawati ialah Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama di Ampang, Selangor dan YB Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.6 juta akan disalurkan oleh KPKT bagi menyelesaikan masalah kerosakan pelbagai kemudahan asas yang dialami penduduk di pangsapuri ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk membaik pulih dan menyelenggara lif, bumbung dan pam air dan projek membaik pulih akan dimulakan secepat mungkin memandangkan hanya satu (1) daripada dua (2) lif dan tiga (3) daripada enam (6) pam air di pangsapuri ini yang berfungsi.

Pembaikan kerosakan lif dan pam air ini akan memberikan faedah kepada 200 unit rumah di pangsapuri ini.



YB Menteri turut melawat Pangsapuri Kos Rendah Sri Angsana Hilir, Pandan dan meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk membaik pulih bumbung pangsapuri ini.

Seterusnya, semasa melawat Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama, YB Menteri mengumumkan bahawa KPKT akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 bagi membina gelanggang futsal di pangsapuri ini.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT